
Title	Perihal peribahasa
Author(s)	Muhammad Ariff bin Ahmad

Copyright © 1994 Muhammad Ariff bin Ahmad

Mas 1994 0620 0830 b&b 167 : perihal pantun dan peribahasa (6)

Perihal Peribahasa

1. Pendahuluan

Menerusi bukunya 'Seluk Beluk Bahasa Indonesia', Pustaka Saiful 1952, Sabarudin Achmad berkata bahawa kekata **peribahasa** itu berasal dari dua kekata Sanskrit - *parik* dan *bhasya*. Kekata *parik* yang kita sebut **peri** itu membawa makna *indah*. Indah bagi *peribahasa* itu membawa maksud *indah susunan katanya, indah falsafah (pemikiran)nya dan indah serta bernas pengajarannya*.

Kekata *bhasya* yang kita sebut **bahasa** itu pula bermakna ekspresi idea seseorang yang disampaikan kepada mitra bicaranya, sama ada melalui pertuturan, melalui tulisan mahupun melalui isyarat yang difahami kedua-dua pihak. Menurut Sabarudin lagi: dalam lingkungan Melayu, **bahasa** itu bukanlah semata-mata 'alat komunikasi' *pembawa mesej*, bahkan **bahasa** itu merupakan manifestasi budaya [mencakup perilaku, budi pekerti, sopan santun, adat resam dan moral lingkungan penggunanya].

Kamus tertua yang ada dalam simpanan saya ialah 'Kitab Loghat Melayu' karangan R.O. Winstødt dan Ibrahim b Datuk Muda Linggi pada 1920. Dalam kamus itu terdapat kata-kata *bahasa* dan *peri* sebagai kata lema, tetapi kekata **peribahasa** tidak saya temui di situ.

Dalam tahun 1929 Paderi W.G. Shellabear dengan bantuan Cikgu Sulaiman Muhd Nur [Melaka] telah mengumpulkan 1349 *peri umpamaan* (perumpamaan), bidal dan pepatah Melayu dalam bukunya yang dinamakan 'Kitab Kiliran Budi'. Cuba baca prakata Shellabear memperkenalkan *peri umpamaan* Melayu itu:

- *Bahawa adapun 'Kitab Kiliran Budi' adalah terisi dalamnya dengan beberapa peri umpamaan Melayu yang telah kami usahakan pada memunguti dan menyiasati dia daripada kitab-kitab orang yang sedia mengumpulkan dia terdahulu daripada kami dan setengahnya kami ambil akandia daripada lidah orang Melayu jati yang faham dan biasa dalam ilmu bidal itu..*

Pada 1 Mac 1934, selesailah pula Mohd Adnan b Mohd Ariffin menghimpunkan 2249 pepatah, bidal orang-orang tua dan lidah pendeta. Himpunan itu telah dijadikan buku dengan diberi nama 'Tikaman Bahasa' dan dicetak al-Matbaah al-Asasiyah, Kota Baru, Kelantan. Bacalah antara kata pencetak memperkenalkan kitab 'Tikaman Bahasa' itu:

- *Siapa lagi hendak menidakkan bahasa Melayu ini tinggi? Siapa lagi hendak menidakkan kebijakan orang-orang tua kita, kemudian daripada zahir kitab ini? Boleh dikatakan kitab 'Tikaman Bahasa' inilah yang pertama kali kemudian daripada kitab 'Kiliran Budi' yang diatur oleh Tuan Paderi Shellabear itu bahkan separuh lebih besar kandungan isinya serta dihubungi pula dengan hikmat-hikmat perkataan pendeta-pendeta Barat dan Timur.*

Walaupun, sebenarnya, peribahasa Melayu itu sudah wujud dan berkembang sebagai puisi Melayu yang tertua, namun penggunaan kekata **peribahasa** bagi wacana yang berbentuk demikian itu barulah kita temui semenjak 1 Mei 1934, iaitu menerusi kitab 'Ilmu Mengarang Melayu' karangan Za'ba.

Begitu pun, menerusi 'Peredar' P.Bm.P.B. Diraja No 21 yang bertarikh Julai 1940, Datuk Haji Mohd Said Sulaiman masih menyebut wacana yang demikian itu dengan kata *Perian Bahasa* - bukan: *peribahasa*. Kata Datuk Haji Mohd Said: yang dikatakan *perian bahasa* itu termasuklah *kiasan bahasa, ragam bahasa, seerti bahasa, simpulan bahasa, kacukan bahasa dan keelokan bahasa*.

Datuk Haji Mohd Said memperinci bahawa yang termasuk dalam *kiasan bahasa* itu ialah *kiasan, tamsil, ibarat, pepatah, bidal, peri umpamaan, perbilang, kata arif (lidah pendeta) dan permutu*; padahal Za'ba menggolongkan hanya *pepatah, bidalan* dan *perumpamaan* sahaja yang tergolong di dalam kelas *peribahasa*. *Kiasan, simpulan bahasa* dan *ragaman bahasa* dikelaskan Za'ba dalam kelompok-kelompok yang lain.

Pada tahun 1943, Balai Pustaka di Jakarta telah mencetak buku himpunan pepatah, bidalan dan perumpamaan hasil usaha K. Sutan Pamuntjak, N. Sutan Iskandar dan A. Datuk Madjoindo. Buku itu diberi nama PERIBAHASA. Dalam cetakan ke-9nya [1983] buku itu menampilkan 4032 peribahasa Melayu.

Semenjak itu, dalam tempoh 50 tahun kebelakangan ini banyaklah lagi buku-buku yang merupakan antologi peribahasa telah diterbitkan. Ada yang merupakan kumpulan pilihan beberapa peribahasa yang dimaksudkan untuk membantu pelajar mengetahui makna *peribahasa*. Ada yang berupa huraian, penilaian atau ulasan mengenai beberapa peribahasa yang tertentu. Malah, sudah ada pula dalam pasaran sastera Melayu sekarang: beberapa *kamus peribahasa, kamus simpulan bahasa, daftar ungkapan [kiasan & simpulan bahasa]*.

Oleh sebab banyak buku peribahasa sudah diterbitkan, yang masing-masing telah ditulis pengarang-pengarang yang berbeza dengan nuansa motivasinya, maka kedapatanlah beberapa versi peribahasa yang sepatutnya tidak berlaku. Terdapat pengarang-pengumpul yang mengubah bentuk susunan peribahasa oleh sebab-sebab yang tertentu, umpamanya:

- pb: *belakang parang diasah lagikan tajam* diubah menjadi: *belakang parang lagi (pun) kalau diasah nescaya tajam*.
- pb: *anjing biasa makan tahi; kalau tak makan ciom ada juga* diubah menjadi: *anjing yang biasa makan najis, jika tak makan mencium ada juga*.
- pb: *kalau tidak dipecah ruyung manakan dapat sagunya?* diubah menjadi: *jika tidak dipecah ruyung, di mana boleh mendapat sagu?*

dan banyak lagi..

Pada hemat saya, perubahan yang demikian itu [sama ada dilakukan dengan sengaja atau tidak, sama ada dilakukan secara sedar atau tidak] telah menyirnakkan kebitaraan kesempurnaan bentuk dan sifat peribahasa itu sebagai puisi. Petiakanlah takrif peribahasa itu:

- kata Datuk Haji Mohd Said: *Adapun perian bahasa ini suatu daripada cawang ilmu perihal 'rangkapan' akan tetapi keadaannya tersendiri. Yang demikian ia diasingkan [daripada bahasa prosa-P.]*.
- kata Za'ba: *Peribahasa itu ialah segala susunan cakap yang pendek, yang telah melekat di mulut orang ramai semenjak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya - dipakai akan dia jadi sebut-sebutan orang sebagai bandingan, teladan dan pengajaran*.

bersambung®

©Mas 1994 0706 1414 b&b 168 : perihal pantun dan peribahasa (7)

Perihal Peribahasa

2. Bentuk dan Makna Peribahasa

Berdasarkan takrif yang dikemukakan sebelum ini: peribahasa termasuk golongan puisi yang susun katanya tidak tertakluk kepada ketentuan tata bahasa seperti yang diwajibkan bagi prosa. Peribahasa merupakan pengucapan tersendiri yang ringkas tetapi kemas dan bernas. Peribahasa itu lekat pada lidah penuturnya zaman berzaman tidak berubah bentuk wacananya dan tidak berubah maksud maknanya.

Saya mula belajar kenal kepada peribahasa [pada masa itu 'peribahasa' masih disebut *perumpamaan*] ketika saya di dalam darjah IV sekolah Melayu pada tahun 1936-37. Peribahasa yang pertama diajarkan cikgu kepada kelas saya itu ialah perumpamaan: *genggam bara api biar sampai jadi arang*. Kata cikgu saya: perumpamaan itu bermakna *membuat suatu pekerjaan, walau betapapun sukarnya, hendaklah diteruskan sehingga berjaya - sehingga pekerjaan itu menghasilkan sesuatu yang berfaedah!*

Dengan perumpamaan itu, cikgu menasihatkan kami yang sedang belajar supaya terus belajar sehingga berjaya menjadi orang pandai; jangan berhenti separuh jalan walau bagaimana sekalipun susahnyanya belajar itu. [Pada masa itu bersekolah merupakan sesuatu yang *optional* belum *dicompulsorykan* pemerintah; masuk sekolah tak kira umur - saya masuk sekolah berumur 8 tahun, setelah ditangkap seorang cikgu ketika sedang bermain *rounders* di tanah kosong Chancery Lane/Mount Rose Road - ada teman sekelas yang berumur 14 tahun, 6 tahun di darjah satu tak lulus-lulus; bila-bila suka boleh berhenti sekolah].

Sambil mengajarkan 'makna peribahasa', perumpamaan *genggam bara api biar sampai jadi arang* itu digunakan cikgu untuk mendidik supaya murid-murid rajin belajar, tekun, ber-sungguh-sungguh dan terus belajar hingga berjaya - jangan berhenti di separuh jalan.

Kemudian, kami diajarkan pula perumpamaan *seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit*. Perumpamaan itu bermakna: *apabila seorang daripada ahli kumpulan itu berbuat jahat, tak dapat tiada semua ahli kumpulan itu akan terbawa-bawa juga*. Sebagai contoh, cikgu memisalkan jika dalam Darjah IV-A itu ada seorang murid yang mencuri, semua murid IV-A akan dituduh 'pencuri'. Dengan perumpamaan itu cikgu menasihatkan murid-murid supaya menjaga nama keluarga, nama kampung, nama bangsa dengan tidak berbuat jahat.

Mendidik murid-murid supaya memelihara kerukunan keluarga dan kerabat pula, cikgu mengajarkan makna dan fungsi perumpamaan seperti:

- *carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum juga.*
- *air dicincang tak akan putus.*
- *air sama air, sampah ke tepi juga.*
- *sebusuk-busuk daging, dikincang dimakan juga.*
- *cubit paha kiri, paha kanan sakit juga.*

dan banyak lagi.

Hingga sekarang pun peribahasa-peribahasa itu masih begitu adanya - masih begitu sebutannya diucapkan penutur, masih begitu bentuk dan maknanya difahami pengguna. Kalau ada peribahasa yang berubah bentuk di mana-mana, maka peribahasa itu akan dianggap tidak

baku, tidak asli dan tidak murni lagi. Ia mungkin dianggap sebagai sesuatu karya seni yang telah dicemari keindahan bahasa dan strukturnya sebagai puisi lama.

3. Fungsi Peribahasa

Menurut sejarah: orang Melayu mula kenal akan kata *sekolah (school)* semenjak tahun 1834 iaitu apabila *Singapore Free School* ditubuhkan. Keempat-empat bahasa penduduk [Inggeris, Melayu, China dan Tamil] diajarkan di SFS. Pendaftaran 1838-1839 menunjukkan 20 pelajar Melayu belajar di SFS dan pendaftaran 1839-1840 seramai 51 pelajar Melayu telah belajar di situ; tetapi pada 1842 kelas bahasa Melayu di SFS telah ditutup.

Selain dari belajar agama di 'mendasah' dan di tempat-tempat belajar bahasa [bukan sekolah], sebelum orang Melayu kenal akan sekolah, pendidikan tidak formal telah berkembang dalam masyarakat Melayu. Wacana yang sekarang kita sebut **peribahasa** [mula-mula wacana itu disebut dengan kata: *kata orang tua-tua, kata arif, kata pendita*; kemudian diubah sebutannya menjadi *pepatah, bidalan* dan *peri umpamaan*; kemudian baru disebut *peribahasa*] telah digunakan guru-guru sebagai bahan pendidikan.

Kadang-kadang peribahasa itu digunakan orang sebagai 'hadis Melayu' yang dijadikan alasan nakliah oleh seseorang yang berhujah apabila mengemukakan atau menjelaskan sesuatu pendapat. Demikian pula ketika mempertahankan sesuatu pendirian kerap juga seseorang itu menggunakan peribahasa yang relevan dengan yang dimaksudkan sebagai penguat hujahnya.

Dalam masa mengajarkan 'karangan', guru-guru zaman dahulu selalu menasihatkan murid-muridnya supaya menggunakan peribahasa yang relevan dengan isi karangan. "Peribahasa yang digunakan dalam karangan itu," kata guru-guru itu, "bukan sahaja merupakan bunga bahasa yang indah, malah ia merupakan penjelasan yang berkesan untuk meyakinkan pembaca akan kesasihan idea yang dikemukakan."

Dalam pendidikan lisan, orang-orang tua kita selalu memprovok pemikiran anak didiknya dengan peribahasa, misalnya:

- *ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.*
- *kalau kain panjang sejengkal, jangan laut hendak diduga.*
- *sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan merasa.*
- *sudah terhantuk baharu tengadah.*
- *biar lambat asakan selamat.*

dan banyak lagi.

bersambung®

©Mas 1994 0811 1136 b&b 169 : perihal pantun dan peribahasa (8)

Perihal Peribahasa

4. Jenis-jenis Peribahasa

Sama ada Datuk Haji Muhd Said mahu pun Pendita Za'ba, bersetuju bahawa yang termasuk dalam pengucapan yang disebut peribahasa itu ialah wacana-wacana yang dinamakan *perumpamaan*, *bidalan* dan *pepatah*. Malah, jika kita selidiki buku-buku himpunan peribahasa seperti *kiliran budi*, *tikaman bahasa*, *Mestika Bahasa*, *Kamus Peribahasa* dan *buku-buku himpunan peribahasa* yang lain, wacana-wacana demikian itulah yang menjadi isi kandungan buku-buku tersebut itu.

Menerusi bukunya *Ilmu Mengarang Melayu*, Za'ba menerangkan: "Ada peribahasa yang bermakna dua lapis, dan ada pula yang bermakna selapis sahaja. Peribahasa yang bermakna dua lapis itu dipanggil orang: *perumpamaan*, manakala yang bermakna selapis itu pula ada yang dipanggil *bidalan* dan ada yang dipanggil *pepatah*."

4.1 perumpamaan

Perumpamaan itu dikatakan bermakna dua lapis [berlapis] kerana di sebalik *makna lahirnya*, yakni makna sebagaimana ia dituturkan; ada pula *makna umpamanya*, yakni makna yang benar-benar dimaksudkan si penutur tadi, misalnya:

- Perumpamaan: *siapa makan cabai dialah terasa pedas*.

makna lahirnya: orang yang makan cabai lah yang merasa akan kepedasan cabai itu - yang tidak makan tidak akan terasa pedasnya lada (cabai) itu!

makna umpamanya: barang siapa yang melakukan kecelaan sahajalah yang terasa kena sindir, apabila seseorang menyindir akan kecelaan itu; manakala orang lain yang tidak ada kena mengena dengan kecelaan itu tidak akan terasa apa-apa.

- Perumpamaan: *panjang langkah koyak pesak seluar, tinggi loncat tembuk ubun-ubun*.

makna lahirnya: kalau melangkah panjang-panjang, pesak seluar seseorang itu akan koyak; jika tinggi pula loncatnya maka akan tembuklah ubun-ubun orang itu.

makna umpamanya: melakukan sesuatu yang melampaui kesanggupan itu hanya akan mendatangkan kebinasaan kepada diri pelaku itu sahaja.

Contoh-contoh lain bagi peribahasa yang dipanggil *perumpamaan* ialah:

- *gajah berjuang dengan gajah pelanduk mati di tengah-tengah*.
- *duduk meraut ranjau, tegak meninjau jarak*.
- *bagai bajak wangkang makan diangkat*.
- *mendengarkan guruh di langit air di tempayan dicurahkan*.
- *sudah jatuh ditimpa tangga*.

dan banyak lagi..

4.2 bidalan dan pepatah

Kedua-dua peribahasa - *bidalan* dan *pepatah* - itu memberikan makna yang selapis. Makna yang diberikan bidalan dan pepatah lurus sahaja, yakni apa yang dikatakan itulah yang dimaksudkan - tidak ada makna yang lain sebalik makna itu; tidak ada makna *umpama* seperti yang terdapat dalam *perumpamaan*. Memang pula: struktur *bidalan* dan *pepatah* itu kelihatan sama, malah tujuan kependidikannya juga sama; namun sifat dan pendekatan kedua-dua 'peribahasa bermakna selapis' itu didapati berbeza keadaannya.

Pendita Za'ba menerangkan: "*Bidalan* lebih memberatkan tentang sifat dan melekatnya [peribahasa itu] di mulut orang ramai (pengguna) dan tentang bandingan dan teladan yang ada di dalamnya; [manakala] *pepatah* lebih memberatkan tentang sifat ringkasnya, bijak perkataannya dan benar pengajarannya."

"Selain itu," kata Pendita Za'ba lagi, "*bidalan* tetap mesti berisi pengajaran dan fikiran yang benar, tetapi *pepatah* itu ada juga yang tidak berisi apa-apa pengajaran. Asal kata *pepatah* itu ialah *patah-patah*, yakni *patah-patah perkataan*."

Dari segi pendekatan untuk mencapai matlamat kependidikannya, *bidalan* selalunya: mendorong, menggalakkan, menganjurkan atau menyarankan ke arah pencapaian matlamat; manakala *pepatah* biasanya: menempelak, *memulangkan paku buah keras* atau mengingatkan responden supaya tidak mengulangi perilaku yang mengakibatkan risiko itu. Dengan perkataan lain: *bidalan* membina, manakala *pepatah* memulihara.

Berdasarkan ciri-ciri yang tersebut di atas dapatlah kita mengategorikan 'peribahasa bermakna selapis' yang berikut ini sebagai *bidalan* atau sebagai *pepatah*.

Yang termasuk kategori *bidalan*:

- *biar lambat asalkan selamat.*
- *sedikit, sedikit, lama-lama jadi bukit.*
- *biar penat badan asalkan hati suka.*
- *rajin bekerja mudahlah belanja.*
- *alah membeli menang memakai.*

dan banyak lagi.

Yang termasuk kategori *pepatah*:

- *berani malu takut mati.*
- *belum duduk sudah berlunjur.*
- *orang penyegan susahlah makan.*
- *hilang bahasa lenyaplah bangsa.*
- *sudah terhantuk baru tengadah.*

dan banyak lagi.

Akan *pepatah* yang dikatakan 'tidak mengandungi pengajaran' ialah misalnya:

- *rambut sama hitam hati lain-lain.*
- *membuat mahu menerus tidak.*
- *indah khabar dari rupa.*
- *lain diacah lain yang jadi.*
- *ke tengah boleh ke tepi pun boleh.*
- *tujuh kali pindah papa.*

dan banyak lagi.

©Mas 1994 0813 1136 b&b 170 : perihal pantun dan peribahasa (9)

Perihal Peribahasa

5. Pepatah Petitih dalam Pidato

Dalam perbahasaan umum, **pidato** itu bermakna 'syarahan' [*berpidato* = bersyarah; *pe-midato* = pensyarah; orang yang bersyarah]. Kekata **pidato** itu berasal dari bahasa Sanskrit: *pirato* atau *peridato*, yakni *pri*+ *ra* (*da*)+ *to*. *Pri* = bermakna 'cerita' atau 'kata'; *ra* (*da*) = mulia dan *to* = orang. Jadi: **pidato** itu bermakna *kata* (*perkataan*) *orang mulia*.

Dari kata *ra(da)+to* jadi **ratu** = *orang yang dimuliakan* [raja], dan dari *da(ra) + to* jadi pula **dato** [gelar anugerah], **datu** [gelar keturunan] dan **datuk** [gelar keluarga] yang juga bermakna *orang yang dimuliakan* [walaupun pemuliaan terhadap *ratu*, *datu*, *dato* dan *datuk* itu ada perbezaannya disebabkan kita masih berada dalam sistem budaya kasta].

Dalam perbahasaan adat, **pidato** merupakan ucapan atau amanat terpenting dalam semua acara dan upacara seperti dalam perhelatan perkahwinan, majlis kenduri, perjamuan, penobatan penghulu, selayat mayat dan sebagainya. Wacana dalam pidato panjang-panjang, penuh sarat dengan *pepatah*, *petitih*, *pituah*, *mamangan*, *pameo* dan *pantun*, yang merupakan hukum, ajaran moral dan etika. Malah, nilai mutu sesuatu pidato itu amat tergantung kepada kemampuan sang pemidato menggunakan wacana peribahasa tadi sesuai dengan isi pidatonya.

5.1 yang dikatakan pepatah

"Memang banyak orang mengatakan yang kekata **pepatah** itu adalah *kata ganda separa* bagi kekata **patah** [seperti *lelaki* bagi 'laki-laki', *bemberang* bagi 'berang-berang', *rerama* bagi 'rama-rama' dan yang sebagainya], malah ada yang mengatakan bahawa **pepatah** itu ialah peribahasa yang digunakan orang untuk mematahkan perkataan lawannya dalam sesuatu perdebatan." Demikian, saya difahamkan cikgu ketika belajar peribahasa, dahulu.

Namun, menerusi bukunya *Alam Terkembang Jadi Guru*, A.A. Navis mengatakan: *ada pula yang berpendapat bahawa pepatah itu berasal dari kata 'patatah' yang berakar-katakan tatah* [bukan dari kekata *patah*]. M. Rasyid Manggis Dt. Rajo Penghulu mencontohkan kalimat **pepatah** itu dengan wacana *meminta kuah ke pangek*, *meminta sisiak ke limbek* [*pangek* = gulai yang kering; *sisiak* = sisik; dan *limbek* = ikan keli]. Malah, Darwis Thaib Dt. Sidi Bandaro juga berpendapat bahawa **pepatah** itu berasal dari kata 'patatah' yang merupakan 'pahatan kata norma' atau *patokan hukum adat*, misalnya: *cupak nan dua*; *undang-undang nan empat*; dan *kato nan empat*.

Menurut Adat: yang dimaksudkan dengan *cupak nan dua* [cupak = adat (peraturan) turun temurun dari leluhur]] ialah **cupak usali** (asli) dan **cupak buatan**; yang dimaksudkan dengan *undang-undang nan empat* ialah **undang-undang luhak**, **undang-undang negeri**, **undang-undang dalam negeri** dan **undang-undang dua puluh**; manakala yang dimaksudkan dengan *kato nan empat* pula ialah **kata pusaka**, **kata muafakat**, **kata dahulu** **kata bertepati** dan **kata kemudian** **kata mencari**.

Di RTM1 sekarang, ada suatu rancangan yang dinamakan *kata kita kata berisi*. Frasa itu bukanlah **pepatah**; oleh Dt Haji Muhd Said, frasa demikian dipanggil **permutu** [sama seperti *setia itu jaya* (PSPM); *sastera bina manusia* (Asas50) dan yang sebagainya].

5.2 yang dikatakan petitih

Sejauh ini tidak terdapat keterangan yang jelas mengenai asal usul kata **petitih** itu, namun A.A. Navis mengatakan: *oleh kerana sumber bahasa ilmu pengetahuan (Melayu) Minangkabau berasal dari bahasa Sanskrit maka dapat dipastikan bahawa 'patitih' atau 'petitih' itu berasal dari bahasa Sanskrit patitis yang bermakna 'tepat' (jitu).*

Kekata **petitih** itu selalu disebut menyusuli kata **pepatah**, malah kadang-kadang di antara kata **pepatah** dengan **petitih** itu dibubuhi tanda *sempang*. Hal demikian telah menjadikan orang menyangka bahawa kata **pepatah-petitih** itu tergolong *kata ganda bertingkah* [seperti *kuih-muih, gelap-gelita, gunung-ganang* dan yang sebagainya]. Sebenarnya, frasa **pepatah petitih** itu terkelas *parataksis setara* [sama seperti *ibu bapa, kampung halaman, sahabat handai* dan yang sebagainya] dan frasa itu bermakna **pepatah dan petitih**.

Pepatah dan petitih selalu berangkaian. **Pepatah** merupakan wacana *stem*, manakala **petitih** menjadi *complementnya*. **Pepatah** menyampaikan *hukum hidup* [yang *berhingga*] yang berasaskan permutu *alam terkembang jadi guru*, **petitih** pula menunjukkan *jalan hidup* [yang *bertangga*]. Pada hakikatnya: kejadian **petitih** itu berasal dari **pepatah** jua; hanya di dalam **petitih** tersisip norma falsafah Melayu, sesuai dengan struktur masyarakatnya yang kolektif. Kekata yang biasanya membawa falsafah kolektif Melayu dalam **petitih** ialah *sama, kok (kalau), dek (oleh), ialah, nan (yang)* dan yang seumpamanya.

Antara yang **pepatah** dan yang **petitih** ialah:

- *ke bukit mendaki, ke lurah memurun* [pepatah]
- *ke bukit sama mendaki, ke lurah sama memurun* [petitih]
- *terendam basah, terjemur kering* [pepatah]
- *terendam sama basah, terjemur sama kering* [petitih]
- *hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah* [petitih]
- *adat nan kawi* [pepatah], *kok diasak layu, kok dibubut mati* [petitih]
- *nan cantik ialah budi, nan indah ialah bahasa* [petitih]
- *yang keras ditakik, yang lunak disudu* [petitih]

5.3 pepatah + petitih = perbilang

Rangkaian **pepatah dan petitih** yang berbilang-bilang [sama ada yang disebut berulang-ulang atau yang masing-masing saling menjelaskan] dinamakan *perbilang*. Jika *perbilang* itu menyangkut hal adat maka ia disebut **perbilang adat**, misalnya:

*Ibarat labu menjalar ke hulu,
 ibarat kundur menjalar ke hilir:
 pangkalnya sama dipupuk,
 pucuknya sama digantis,
 buahnya sama ditarik..
 kok bukit sama didaki,
 kok lurah sama dituruni,
 kok laut sama direnangi.
 Hati gajah sama dilapah,
 hati kuman sama dicecah..
 Sembah kepada dato!*

©Mas 1994 0828 0914 b&b 171 : perihal pantun dan peribahasa (10)

Perihal Peribahasa

6. Mamang (mamangan)

Ada wacana peribahasa yang disebut **mamangan** atau lazim juga disebut *mamang*. Menurut adat, **mamang** bererti *pegangan*; maka wacana pepatah dan petitih yang dijadikan pegangan sebagai falsafah atau panduan hidup oleh penganut adat dinamakan **mamang**.

Mamang biasanya diucapkan dalam bentuk dua frasa yang berimbangan [sama ada dalam keadaan yang setara atau yang bersilangan; dalam keadaan yang positif dan yang negatif atau dalam bentuk perintah dan tegah]. Antara pepatah petitih yang terkategori **mamang** ialah seperti:

- *anak dipangku, kemanakan dibimbing* [setara (perpatih)]
- *besar jangan melanda, cerdik jangan menjual* [setara]
- *biar mati anak, jangan mati adat* [bersilang]
- *hidup dikandung adat, mati dikandung tanah* [bersilang]
- *cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar* [bersilang]
- *buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali* [perintah/teguh]
- *daripada hidup bercermin bangkai, baik mati berkalang tanah* [teguh/perintah]
- *khobar baik berhimbauan, khobar buruk berhamburan* [positif/negatif]
- *ada wang abang sayang, tak ada wang abang melayang* [positif/negatif]

dan banyak lagi.

7. Pituah (petua)

Pada umumnya orang mengatakan **pituah (petua)** itu ialah sebutan Melayu bagi kata bahasa Arab *fatwa*. Bahkan banyak kamus memaknakan kata **petua** itu begitu. Kamus Dewan menerangkan makna **petua** ialah (1) *keputusan atau pendapat mufti (berkenaan dengan masalah agama Islam)*; (2) *nasihat daripada orang alim [Islam] dan lain-lain.. Mufti ialah ahli agama [Islam] yang berhak memberi fatwa berkenaan dengan hukum Islam*.

Menurut sejarah, peribahasa [termasuk 'pituah' atau 'petua'] sudah ada lama sebelum Melayu kenal akan Islam dan Arab. Bahasa Sanskrit sudah lebih dahulu menyerapi bahasa Melayu sebelum bahasa Arab. Dari bahasa Sanskrit telah kita ambil kekata *prituah* [*pri* = kata; *tuah* = sakti] dan kekata *prituha* [*pri* = kata; *tuha* = orang tua]. Maka besarlah kemungkinan bahawa kekata **pituah** berasal dari kekata *prituah* yang bermakna '*kata-kata sakti*', dan kekata **petua** itu berasal dari kekata *prituha* yang bermakna *perkataan orang tua-tua*.

Memandang bahawa *fatwa* adalah keputusan yang ditentukan mufti berlandaskah hukum agama Islam [hukum Allah] sedangkan **pituah/petua** itu hasil pemerhatian orang tua-tua kita semenjak sebelum Islam, maka sukarlah hendak diyakini bahawa **petua** itu adalah *fatwa*. Antara pepatah petitih yang terkategori dalam **pituah/petua** itu ialah seperti:

- *berkata merendah-rendah, mandi di hilir-hillir*
- *enak di kita, sedaplah di orang [lain]*
- *tuah sekata, sengketa bersilang*
- *hendak mulia bertabur urai, hendak masyhur dapatkan kemenangan*
- *hendak pandai rajin berguru, hendak kaya kuat berusaha*

dan yang seumpamanya.

8. Pameo

Terdapat sebilangan pepatah petitih dan bidalan yang membawa maksud songsang [maksud yang bertentangan dengan wacana yang dituturkan]. Wacana yang dituturkan itu bukanlah yang benar-benar berlaku atau yang dimaksudkan penuturnya. Pepatah atau bidalan yang demikian itu dipanggil orang: **pameo**.

Pameo diucapkan untuk menyatakan sesuatu kegenjutan dengan sindirian yang lunak tetapi menghiris yang tersindir. Antara yang pepatah atau bidalan yang terkategori sebagai **pameo** ialah seperti:

- *duduk seorang bersempit-sempit, duduk bersama berlapang-lapang*
- *terhimpit mahu di atas, terkurung mahu di luar*
- *tegang berjela-jela, kendur berdenting-denting*
- *semut dipijak tak mati, antan dilanda patah tiga*
- *semut dipijak tak mati, gajah diarung bergelimpangan*
- *sayang anak dipukuli, sayang kampung ditinggalkan*

dan yang sebagainya

9. Lidah pendita

Terdapat pula banyak wacana bijaksana lagi berenas yang bentuknya menyerupai pepatah petitih, tetapi wacana itu bukan peribahasa kerana kehadirannya tidak merupakan pendapat kolektif masyarakat yang terhasil melalui proses penggunaannya. Wacana ini merupakan perkataan yang konstruktif [yang dianggap sakti], dikutip atau dinukil dari perkataan seseorang lalu dijadikan panduan untuk memajukan kehidupan penggunanya.

Dt Haji Muhd Said menamakan wacana itu **kata arif**, manakala Pendita Za'ba pula menamakannya **lidah pendita**. Antara **kata arif** atau **lidah pendita** itu ialah seperti:

- *lidah manusia lebih tajam daripada senjata*
- *pena lebih tajam daripada mata pedang*
- *jangan sia-siakan waktu, kelak kamu tersemu*
- *bertanggung itu mencuri masa*
- *dengan bersatu mengangkat mutu*
- *siapa bilang: bila berbuat baik, jahat tidak datang?*

dan banyak lagi.

10. Permutu

Selain daripada **kata arif** atau **kata pendita** itu ada pula wacana sakti yang oleh Dt Haji Muhd Said dinamakan **permutu**. **Permutu** merupakan wacana yang dicipta pejuang atau pegiat pergerakan untuk dijadikan *motto perjuangan* atau *slogan pergerakan* yang mendorong semangat untuk mencapai *sasaran matlamat* sesuatu institusi, contohnya:

- *tawakal kepada Allah* [kerajaan Johor]
- *maktab suluh budiman* [maktab SITC]
- *bahasa memunjukkan bangsa* [PSPM]
- *bahasa jiwa bangsa* [LT.KPBMM; kemudian DBP]
- *sastera bina manusia* [Asas 50]
- *majulah Singapura* [Rep Singapura]

dan banyak lagi.

©Mas 1994 0901 0845 b&b 172 : perihal pantun dan peribahasa (11)

Perihal Peribahasa

11. Simpulan Bahasa

Selain peribahasa, ada wacana yang dipanggil **simpulan bahasa**. Wacana peribahasa merupakan *kalimat* [satu kalimat, dua kalimat, kadang-kadang lebih] sedangkan **simpulan bahasa** adalah merupakan *frasa* yang terdiri dari dua tiga ke kata sahaja. Ada peribahasa yang bermakna selapis dan [pepatah dan bidalan] ada pula yang bermakna dua lapis atau berlapis-lapis [perumpamaan], manakala **simpulan bahasa** hanya memberikan *satu makna* sahaja. Makna sesuatu **simpulan bahasa** itu khusus bagi **simpulan bahasa** itu sahaja.

Menurut Datuk Haji Muhd Said: **simpulan bahasa** ialah dua atau lebih *kekata* yang dirangkum menjadi satu simpul, menerbitkan makna yang asing [lain daripada makna asal *kekata* itu], manakala Pendita Za'ba pula mengatakan: **simpulan bahasa** ialah rangkaian *kekata* yang telah tetap tersimpul atau terbeku dengan susunan yang khas dan dipakai dengan makna yang khas, berlainan daripada makna asalnya.

11.1 Sesetengah **simpulan bahasa** terjadi dengan mengambil perbandingan atau kiasan daripada watak khas yang terdapat dalam sesuatu cerita yang masyhur atau sesuatu kejadian yang luar biasa, umpamanya:

- *Mat Janin* [angan-angan kosong akhirnya membinasakan diri]
- *Si Tanggang* [anak yang derhaka kepada ibunya]
- *Anak Nakhoda Kasap* [peniaga yang sentiasa rugi]
- *Abu Jahal Besar* [yang suka menghalang usaha orang berbuat baik]
- *Cina Buta* [lelaki yang diupah menikahi janda talak tiga untuk membolehkan si janda kembali kepada pencerainya],
dan yang seumpamanya.

11.2 Sesetengah **simpulan bahasa** itu terjadi daripada perkara-perkara biasa, tetapi rangkaian ke kata itu membawa makna yang khusus, umpamanya:

- *buah mulut* [bualan orang di merata tempat]
- *kutu embun* [lelaki gelandangan pada waktu malam]
- *khabar angin* [berita tanpa sumber; berita bohong]
- *buang air besar* [berak]
- *makan angkat* [segera mengalah apabila dipuji],
dan yang seumpamanya.

11.3 Sesetengah **simpulan bahasa** terbentuk disebabkan atau berasaskan beberapa kepercayaan dan tahayul [takut ketulahan atau didatangi bahaya jika hal itu dilakukan atau disebutkan dengan terus terang], umpamanya:

- *buruk siku* [sakit gondok (bengkak di leher); simpulan bahasa ini mengancam orang yang meminta balik barang yang sudah diberikan kepada orang lain]
- *mak menti (menteri)* [menyebut 'tikus' pada waktu malam]
- *pak belang* [menyebut 'harimau' pada waktu berada di rimba]
- *harimau berantai* [orang yang garang, sangat ditakuti bahayanya]
- *dimakan bulan* [kelapa yang rosak isinya; dipercayai terkesan oleh bulan gergana],
dan yang seumpamanya.

11.4 Ada pula sesetengah **simpulan bahasa** yang terjadi semata-mata daripada kebiasaan atau resaman bahasa sahaja, umpamanya:

- *ada hati* [ada kemahuan walaupun ternyata kemampuannya tidak ada]
- *beri muka* [memanjakan]
- *gila bahasa* [suka/minta dihormati]
- *gila-gila bahasa* [seakan-akan tidak siuman]
- *kaki ayam* [berjalan tanpa memakai alas kaki],
dan banyak lagi.

11.5 Terdapat juga **simpulan bahasa** yang asalnya *kata kiasan*, oleh sebab selalu benar atau terlalu kerap digunakan, lama-kelamaan lekatlah *kiasan* itu pada lidah penutur dan mesralah ia dalam perbahasaan maka *kiasan* itu pun menjadi **simpulan bahasa**, umpamanya:

- *buta kayu* [(*buta macam kayu*) = tak tahu apa-apa]
 - *akal kancil* [(*macam akal kancil*) = cerdik hendak mengenakan (menipu)]
 - *bunting kerbau* [(*bunting seperti kerbau*) = hamil lebih dari 10 bulan]
 - *jadi abu* [(*alah jadi abu, menang jadi arang*) = binasa]
 - *pinggang kerengga* [(*pinggangnya seperti kerengga*) = ramping]
- dan banyak lagi.

12. Bahasa Kiasan

Bahasa Kiasan ialah bahasa yang terpakai untuk menyatakan sesuatu dengan berkiasan perkara lain sama ada dengan menyebutkan kiasan (bandingan) itu ataupun dengan tidak menyebutkan bandingannya [kerana bandingan itu telah dimaklumi umum], umpamanya;

□ yang menyebut bandingannya:

- *matanya laksana bintang timur*
- *manisnya umpama lautan madu*
- *hancur luluh bak kaca terhempas ke batu*
- *larinya seperti lipas kudung*
- *kereta bagaikan anak ayam*

dan banyak lagi.

□ yang tidak menyebutkan bandingannya:

- *marahnya bernyala-nyala*
- *karam dalam laut percintaan*
- *kena ke batang hidung sendiri*
- *cita-citanya tinggi melangit*
- *bergantang-gantang biji mata*

dan banyak lagi.

bersambung®

Perihal Peribahasa

13. Jenis Kiasan

'Kiasan Berpindah', yakni kiasan yang tidak lagi menyebutkan bandingannya itu ada pula beberapa jenisnya. Ada yang dijeniskan orang sebagai:

13.1 kiasan punya, iaitu kiasan yang menyebutkan suatu keadaan dengan mengambil kias akan kebiasaan atau resmi, ataupun keadaan yang memang menjadi kepunyaan sesuatu yang lain, umpamanya:

- *mandi kerbau* [mandi yang tidak membersihkan, malah menambahi daki] dikiaskan dengan *kerbau punya mandi*.
- *hangat-hangat tahi ayam* [tabiat cepat bosan; rajin sekejap sahaja] dikiaskan dengan *tahi ayam punya hangat (cepat sejuk)*.
- *pekak badak* [tidak dengar jika orang bercakap dengan kuat tetapi dengar jika orang bercakap perlahan] dikiaskan dengan *badak punya pekak*.
- *kaki bangku* [tak pandai main bola] dikiaskan dengan *bangku punya kaki*.
- *muka tembok* [tidak bermalu] dikiaskan dengan *tembok punya muka*.
- *tangkai jering* [lokek; kedekut; bakhil] dikiaskan dengan *kuat dan liatnya jering punya tangkai*.
- lain-lain kiasan punya ialah seperti *ajak-ajak ayam, jinak-jinak merpati, pening-pening lalat, darah-darah ikan, malu-malu kucing, anak tangga, ibu keladi, bapak badau, bunting padi, jari hantu, mulut tempayan, telinga kualiti, mata kotak, saudara anjing, hati Yahudi, paku Belanda* dan banyak lagi..

13.2 kiasan terus, iaitu gelar atau nama kiasan yang diberikan kepada orang tertentu kerana keadaannya menyerupai sesuatu yang demikian, umpamanya:

- *ayam tambatan* [orang handal yang dibela untuk sesuatu perlawanan]
- *maharaja siang* [gelar sanjungan kepada matahari]
- *kutu embun* [orang yang suka melata waktu malam, kadang-kadang hingga pagi]
- *puteri lilin* [anak dara yang tak tahan kena panas, memasak di dapur]
- *nyiur kelompang* [anak dara yang sudah dirosakkan daranya]
- *janda batu* [sama dengan *nyiur kelompang* atau *kelapa ditebuk tupai*]
- lain-lain kiasan terus ialah seperti *harimau berantai, buaya darat, kera sumbang, masuk ajar, keluar negeri, naik angin, turun tanah, anak buah, ibu angkat, teman hidup, musuh dalam selimut, campur tangan, besar kepala, kecil hati, banyak cakap, kurang ajar, enam sembilan, setali tiga wang, cina buta, keling karam, hati perut, tangan terbuka, kaki botol, makan tidur* dan banyak lagi

13.3 kiasan bersajak. Kebanyakan kiasan jenis ini tergolong dalam puisi yang disebut *sisomba* atau *pantun dua kerat*. Sebut sahaja kiasannya, orang sudah mafhum akan maksudnya, umpamanya:

- sebut kiasannya: *sebab pulut santan binasa* = orang segera tahu maksudnya: *sebab mulut badan merasa*.
- kiasan: *lain dulang lain kakinya* = maksudnya: *lain orang lain hatinya*.
- kiasan: *banyak udang banyak garam* = maksudnya: *banyak orang banyak ragam*.
- kiasan: *sudah gaharu cendana pula* = maksudnya: *sudah tahu bertanya pula*.

- kalau suka, cuba nyatakan maksud kiasan-kiasan bersajak yang berikut ini: *pucuk leban gading gajah... terima kasih daun keladi... gendang gendut tali kecapi... hujung bendul dalam semak... goreng pisang goreng ubi... bukan memapan tapi menarah... pinggan tak retak, nasi tak dingin... ada ubi adalah talas...*

13.4 kiasan berbunga, yakni kiasan yang menyatakan maksud menerusi lukisan kata-kata yang indah, umpamanya:

- *selimut kemalasan* [malas diibaratkan seperti *selimut* yang menyenyakkan]
- *benih kemajuan* [kemajuan diibaratkan sebagai pohon yang bertumbuh (*berbenih*)]
- *hatinya mendidih* [marahnya seperti air sedang menggelegak (*panas mendidih*)]
- *reput dimakan zaman* [rosak kerana sudah terlalu lama (*macam dimakan zaman*)]
- *masa yang keemasan* [peluang yang baik umpama *emas* nilainya] dan banyak lagi.

13.5 kiasan pamanis [disebut juga *eufemea*] yakni kata kiasan yang disebutkan kerana menyembunyikan sesuatu yang kurang sedap didengar. Lawan kiasan pamanis ialah kiasan kasar [yang disebut juga *disfemea*], umpamanya:

□ yang kiasan pamanis:

- *ke sungai besar* [berak]
- *buang air kecil* [kencing]
- *mengandung* [bunting]
- *nafkah batin* [senggama]
- *meninggal dunia* [mati] dan banyak lagi..

□ yang kiasan kasar

- *muntahkan darah* [makan]
- *memerus; memberut* [berak]
- *mampus* [mati]
- *membuta* [tidur] dan yang sebagainya.

13.6 kiasan melompat yakni kata yang disebutkan langsung menuju kepada yang dimaksudkan tanpa mengambil kira proses gerak laku menuju ke arah maksudnya, umpamanya.

- *memasak nasi* [merebus beras sehingga menjadi nasi]
- *menjahit baju* [menjahit kain sehingga menjadi baju]
- *mencucuk atap* [menyusun dan menjahit daun nipah sehingga menjadi atap]
- *mendirikan rumah* [menyusun bahan-bahan binaan sehingga menjadi rumah]
- *menggali perigi* [menggali tanah sehingga perigi] dan yang sebagainya.

©Mas 1994 1017 1056 b&b 174 : perihal pantun dan peribahasa (13)

Perihal Peribahasa

Selain daripada kiasan yang 6 macam itu ada 2 jenis kiasan lagi, iaitu *kiasan melarat* dan *kiasan orang*. Sifat dan pengungkapan kedua-dua jenis kiasan ini berbeza dengan kebiasaan dan pemaknaan kiasan-kiasan yang enam itu.

13.7 kiasan melarat merupakan kekata atau frasa yang menerbitkan *makna* atau *konotasi budaya* yang lain daripada makna asalnya. Makna yang dimaksudkan kiasan melarat ini ialah *makna budaya* itu, bukan *makna leksikalnya*, umpamanya kekata:

- *mengarang* [makna leksikal (asalnya) ialah *menyusun bunga* atau *mereka ukiran*; tetapi makna kias laratnya ialah *menghasilkan karya sastera*]
- *melukah* [makna leksikalnya ialah *meletakkan lukah* (perangkap ikan yang pintu masuknya sentiasa ternganga) *di pergentingan*; manakala makna kias laratnya ialah *perempuan yang sedang duduk mengangkang*]
- *membatang* [makna kiasnya ialah *lurus, keras, kejang macam batang*]
- *membatang* [membawa juga makna *membaca (mengaji) tanpa mengeja*]
- kekata/frasa lain yang dianggap sebagai kiasan melarat ialah seperti *membuta, memandai-mandai, menangkan, menangan, menjana, meratus, membusut jantan, memdeklamasi sajak, mempersembahkan lawak jenaka, mengambil berat, berisi kembali, tersimpul mati* dan banyak lagi yang seumpamanya.

13.8 kiasan orang ialah kiasan yang *mempersonalisa* atau *memperorang* yang *bukan orang*, yakni yang kiasan yang menyerupakan sifat atau kelakuan benda-benda atau binatang dengan manusia. Benda-benda itu dianggap seolah-olah tahu berfikir, tahu berkata-kata atau berkelakuan seperti manusia. Ada dua macam pula kiasan yang terkategori sebagai kiasan orang itu, iaitu

(a) yang dibandingkan sahaja seperti manusia, misalnya:

- *maharaja siang telah masuk ke bilik peraduannya.*
- *sang ratu malam malu-malu bersembunyi di balik awan.*
- *syah alam dirimba sedang dihadapi rakyat belantara itu.*
- *berita itu disampaikan sang kancil kepada sang bedal.*
- *600 ekor tilapia dimasukkan menjadi penghuni kolam itu.*

(b) yang melakukan atau berkelakuan seperti manusia, misalnya:

- *siang malam, darahnya berseru kepada Tuhan*
- *segala anggerik pun mengilai; maka delima pun tersenyum gembira*
- *sang katak bernyanyi beramai-ramai memanggil hujan.*
- *dia lambat tiba di pejabat kerana keretanya mogok.*
- *daun nyiur melambai menghimbau perantau pulang ke tanahair.*

[Kiasan melarat seperti yang tersebut di atas, banyak sekali terpakai dalam kesusasteraan lama. Bagaimanapun, banyak pula pemuisi sekarang yang gemar menggunakan kiasan melarat demikian itu dalam pengayaan sajak-sajaknya].

14. Tamsil dan Ibarat

Ada pula wacana-wacana yang susunannya kelihatan seperti *simpulan bahasa* atau *bahasa kiasan*, tetapi wacana-wacana itu tidak terkategori sebagai *peribahasa*. Memandang kepada kekata *tamsil* dan *ibarat* itu jelas berasal dari bahasa Arab maka besarlah kemungkinan

bahawa wacana yang disebut *tamsil* dan *ibarat* itu pun berasal dari bahasa Arab juga. Akan adanya *tamsil* dan *ibarat* dalam bahasa Melayu itu samalah seperti hadirnya *syair*, *masnawi* dan *nazam* yang berasal dari Arab itu ke puisi Melayu.

14.1 *tamsil* seketurunan dengan *misal*; *tamsil* membawa makna *memberi misalan* yakni *mencontohkan*. Kebanyakan *tamsil* merupakan pepatah petiti yang terolah menjadi ujaran yang membawa nasihat atau bahan pemikiran, misalnya:

- *macam daun terap: bunyinya degah deguh, jatuh ke tanah berdesir sahaja.*
 - *kayu mati berpunggur, manusia mati biarlah bernama [meninggalkan nama yang baik; meninggalkan jasa].*
 - *bawalah resmi padi: makin berisi semakin merunduk.*
 - *jangan biasakan resmi jagung: makin berisi semakin cegang.*
 - *kita hidup ikutlah hukum memiat daging: sakit pada kita, sakitlah pada orang..*
 - *sebagaimana nasi dan roti menjadi makanan kepada badan, begitulah ilmu menjadi makanan kepada minda dan hati.*
- dan yang sebagainya.

14.2 *ibarat* juga bermakna *umpama*, *misal* dan *kias*. Mengambil *ibarat* bermakna *mengambil umpama* atau *mengambil perbandingan* daripada suatu keadaan, suatu peristiwa atau suatu kejadian. Banyak juga teta-teki Melayu yang berbentuk *ibarat*, misalnya,

(a) yang mengambil *umpama*:

- *lukah tok guru sudah mengena* [maksudnya: *apa yang dihajat tok guru sudah diperolehi* - *ibarat* tok guru memasang lukah mangsanya sudah tertangkap].
- *sepenuh-penuh peti, takkan tak muat sehelai sapu tangan lagi!* [maksudnya: *walaupun sudah kenyang takkan tak boleh makan sepinggan lagi*].
- *daripada bunga lebah dapat madunya, labah-labah dapat racunnya; oleh perempuan bunga itu disunting di kepalanya, oleh monyet bunga itu dikoyak-koyaknya* [mengibaratkan: *tidak sama anggapan dan keterimaan setiap kelompok terhadap sesuatu keadaan atau pendapat walaupun pendapat itu baik*].

dan yang sebagainya.

(b) yang teka-teki:

- *kecil-kecil berbaju hijau, sudah besar berbaju merah* [lada]
- *pagi-pagi berkaki empat, tengah hari berkaki dua, sudah petang berkaki tiga* [manusia masa kanak-kanak, dewasa dan masa tua]
- *naik bukit, turun bukit, jumpa darah setitik* [biji saga]
- *kalau tuan bijak laksana, apa binatang tanduk di dada?* [orang perempuan]

dan sebagainya.